

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 24 Januari 2017 16:10
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Faudziah Bt Zainal Abidin; Nur Shazwani binti Shariffudin
Subject: MAJLIS PENYAMPAIAN NOTA SERAH TUGAS PENJAWAT BAHARU IPQ 2017



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



24 JANUARI 2017/ 25 RABIULAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Pn. Nur Shazwani Shariffudin
Gambar oleh: En. Shahrin Azly Muhamad Yusuf

MAJLIS PENYAMPAIAN NOTA SERAH TUGAS PENJAWAT BAHARU IPQ 2017



IPQ ONLINE: 19 Januari - Majlis Penyampaian Nota Serah Tugas Penjawat Baharu IPQ 2017 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama IPQ, UUM. Majlis itu menyaksikan penyerahan watikah pelantikan kepada penjawat utama IPQ 2017 yang disempurnakan oleh Pengarah IPQ, Prof. Madya Dr. Faudziah Zainal Abidin.

Penjawat utama yang menerima watikah pelantikan 2017 adalah Timbalan Pengarah Bahagian Sistem Kecemerlangan Kualiti, Dr. Noor Hasmini Abd Ghani; Pengurus Perangkaan, Dr. Muhammad b. Ahmad; Pengurus Pengurusan Kualiti (ISO), Dr. Rozita bt. Arshad; Pengurus Jaminan Kualiti Akademik, Dr. Logasvathi a/p Murugiah; Pengurus SETARA, PPMP & RATING, Prof. Madya Dr. Norhani binti Aripin; Pengurus Daya Saing Nasional & Global, Prof. Dr. K. Kuperan a/l K.V.S.N Viswanathan dan Penyelaras Bahasa Inggeris, Puan Rashidah Muhammad Said @Ramli.

Majlis turut menyaksikan mantan penjawat yang diraikan iaitu Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah, Dr. Mohamad Faizal bin Ahmad Zaidi, Dr. Ku Maisurah Ku Bahador, Dr. Shahrudin Awang Nor, Dr. Narentheren a/l Kaliappen dan Puan Lieyana Teo Mohd Zulkifli Teo menyerahkan nota serah tugas kepada penjawat-penjawat utama yang baharu.

Turut diadakan penyampaian cenderamata kepada mantan Pengarah dan Pengurus IPQ 2016 dalam majlis ini bagi meraikan jasa dan bakti yang telah dicurahkan sepanjang berada di IPQ. Yang Berbahgia Dr. Faudziah Zainal Abidin dalam ucapan beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Mantan Penjawat IPQ atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan sehingga IPQ berjaya seperti sekarang.

HABIS

INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

FOCUSED. ACCURATE. SHARP. TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS



Tel : +04 - 928 4651/55 | Fax : +04 - 928 4660 | Email : ipq@uum.edu.my | Website : www.ipq.uum.edu.my | Facebook : Institut Pengurusan Kualiti-IPQUUM
Institut Pengurusan Kualiti | Universiti Utara Malaysia | 06010 || UUM : Sintok | Kedah Darul Aman | Malaysia



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.